

STRATEGI PETA ALIR DALAM MEMPERKASA KEMAHIRAN PENULISAN KARANGAN NARATIF BAHASA TAMIL MURID TAHUN 5

KANAGA A/P MANICKAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

STRATEGI PETA ALIR DALAM MEMPERKASA KEMAHIRAN
PENULISAN KARANGAN NARATIF BAHASA TAMIL MURID TAHUN
5

KANAGA A/P MANICKAM

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA TAMIL
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 24 Disember 2026

i. Perakuan pelajar :

Saya, Kanaga A/P Manickam, M20241000460 dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk Strategi Peta Alir Dalam Memperkasa Kemahiran Penulisan Karangan Naratif Bahasa Tamil Murid Tahun 5 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr.Muniisvaran A/L Kumar dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Strategi Peta Alir Dalam Memperkasa Kemahiran Penulisan Karangan Naratif Bahasa Tamil Murid Tahun 5 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Tamil (Mod Kerja Kursus).

24.12.2026

Tarikh



Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: STRATEGI PETA ALIR DALAM MEMPERKASA KEMAHIRAN
PENULISAN KARANGAN NARATIF BAHASA TAMIL MURID
TAHUN 5

No. Matrik / Matric's No.: M20241000460

Saya / I: KANAGA A/P MANICKAM

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Kanaga

(Tandatangan Pelajar / Signature)

V. Kumar

DR. MUNISVARAN S/O KUMAR
SENIOR LECTURER
DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES,
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY,
KAMPUS SULTAN ABDUL JALIL SHAH,
MALAYSIA

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cpp Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 24.12.2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Setulus penghargaan dirakamkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana telah memberikan peluang yang amat bermakna kepada penulis dalam menyiapkan penulisan ini. Ruang yang disediakan bukan sahaja memperluas ufuk pengetahuan, malah turut memperkuat kefahaman penulis dalam bidang penyelidikan bahasa dan komunikasi. Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada penyelia utama, Dr. Muniswaran, atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat bernas, serta dorongan yang berterusan. Komitmen dan keprihatinan beliau telah menjadi pemangkin semangat serta sumber inspirasi sepanjang proses penyelidikan dan penulisan karya ini. Seterusnya, penulis ingin menzahirkan penghargaan ikhlas kepada seluruh barisan pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sentiasa mencurahkan ilmu, memberikan dorongan moral, serta sokongan akademik yang amat bernilai. Sumbangan mereka telah membantu penulis menajamkan pemikiran dan menambah keyakinan dalam menyiapkan penulisan ini. Akhir kata, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah jemu memberikan sokongan, berkongsi pengetahuan, serta menjadi sandaran kekuatan sepanjang tempoh penulisan ini. Segala bantuan dan dorongan, sama ada besar mahupun kecil, amat dihargai dan akan sentiasa dikenang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kualiti penulisan autobiografi murid sekolah rendah, khususnya murid Tamil Tahun 5. Fokus kajian adalah untuk mengenal pasti permasalahan murid sebelum penggunaan peta alir, menilai peranan peta alir dalam proses penulisan autobiografi, serta menganalisis perubahan kualiti penulisan murid selepas intervensi dilaksanakan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen karangan murid sebelum dan selepas penggunaan peta alir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebelum intervensi, murid menghadapi kesukaran dalam menyusun struktur cerita, mengembangkan isi, menggunakan bahasa yang gramatis, serta merancang penulisan secara sistematik. Selepas penggunaan peta alir, didapati berlaku peningkatan yang ketara dari segi organisasi karangan, pengembangan isi, penggunaan bahasa, dan keyakinan murid dalam menulis. Penggunaan peta alir membantu murid menyusun peristiwa secara kronologi, merangka idea dengan lebih jelas, serta mengurangkan beban kognitif semasa proses penulisan. Dapatan kajian ini selari dengan Teori Beban Kognitif dan Teori Konstruktivisme yang menekankan kepentingan alat bantu visual dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Kesimpulannya, peta alir merupakan strategi pedagogi yang berkesan dan praktikal dalam meningkatkan kualiti penulisan autobiografi murid sekolah rendah serta berpotensi diperluaskan kepada pengajaran penulisan jenis lain.



Kata kunci: Peta alir, Penulisan karangan, Kemahiran menulis, Murid Tamil sekolah rendah, Alat bantu visual; Konstruktivisme



FLOW MAP STRATEGY IN ENHANCING TAMIL NARRATIVE WRITING SKILLS AMONG YEAR 5 PUPILS

ABSTRACT

This study aims to identify the effectiveness of using flow maps in improving the quality of autobiographical writing among primary school pupils, particularly Year 5 Tamil pupils. The focus of the study is to identify pupils' writing problems prior to the use of flow maps, examine the role of flow maps in the autobiographical writing process, and analyse changes in pupils' writing quality after the intervention was implemented. This study employed a qualitative approach through document analysis of pupils' essays before and after the use of flow maps. The findings indicate that prior to the intervention, pupils experienced difficulties in organising story structure, developing ideas, using grammatically accurate language, and planning their writing systematically. After the use of flow maps, a significant improvement was observed in terms of essay organisation, content development, language use, and pupils' confidence in writing. The use of flow maps helped pupils organise events chronologically, generate ideas more clearly, and reduce cognitive load during the writing process. These findings are consistent with Cognitive Load Theory and Constructivist Theory, which emphasise the importance of visual instructional aids and experiential learning. In conclusion, flow maps are an effective and practical pedagogical strategy for enhancing the quality of autobiographical writing among primary school pupils and have the potential to be extended to the teaching of other types of writing.

Keywords: Flow maps, Essay writing, Writing skills, Tamil primary school pupils, Visual instructional aids, Constructivism

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv

**BAB 1****PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.6.1	Kepentingan kepada Pengurusan Sekolah	10
1.6.2	Kepentingan kepada Guru	11
1.6.3	Kepentingan kepada Murid	11





1.6.4	Kepentingan kepada Kurikulum dan Dasar Pendidikan	12
1.6.5	Kepentingan kepada Penyelidik dan Akademik	12
1.6.6	Kepentingan kepada Ibu Bapa dan Komuniti	13
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Definisi Konseptual dan Operasional	14
1.8.1	Kemahiran Menulis Karangan	14
1.8.2	Peta Alir	15
1.8.3	Penulisan Karangan Naratif	15
1.8.4	Pencapaian Murid	16
1.8.5	Kesan Peta Alir Terhadap Penulisan Karangan	16
1.9	Kesimpulan	17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 19

2.1	Pengenalan	19
2.2	Penulisan Karangan	20
2.3	Teori Konstruktivisme	21
2.4	Kemahiran Abad ke- 21	22
2.5	Peta i-Think	24
2.5.1	Jenis dan Ciri-ciri Peta i-Think	24
2.5.2	Peta Alir (Flow Map)	25



2.5.3	Peta i-Think dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	26
2.5.4	Kaedah Peta Alir dalam Penulisan Karangan Naratif	26
2.6	Perbandingan Antara Pengajaran Tradisional dan Pengajaran Menggunakan Peta Pemikiran	29
2.7	Sorotan Karya	30
2.8	Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 35

3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Lokasi Kajian	37
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	38
3.5	Instrumen Kajian	40
3.5.1	Analisis Dokumen Karangan	41
3.5.2	Temu Bual Separa Berstruktur	42
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	43
3.7	Kaedah Analisis Data	45
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	46
3.9	Etika Kajian	48
3.10	Rumusan Bab	49

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Tema Utama Kajian	50
4.3	Tema 1: Masalah Utama Murid Dalam Penulisan Autobiografi Sebelum Penggunaan Peta Alir	52
4.3.1	Kesukaran Menyusun Peristiwa Secara Kronologi	52
4.3.2	Kekurangan Isi dan Idea	54
4.3.3	Kesalahan Bahasa dan Pembinaan Ayat	55
4.3.4	Analisis Dokumen Kesalahan Karangan	56
4.3.5	Kekurangan Perancangan Sebelum Menulis	59
4.4	Tema 2: Penggunaan Peta Alir Dalam Proses Penulisan Autobiografi	60
4.4.1	Merangka Idea Secara Sistematik	60
4.4.2	Meningkatkan Fokus Murid Terhadap Urutan Peristiwa	61
4.4.3	Menggalakkan Pengembangan Isi	62
4.4.4	Meningkatkan Keyakinan Murid Semasa Menulis	63



4.5	Tema 3: Perubahan Kualiti Penulisan Murid	64
	Selepas Menggunakan Peta Alir	
4.5.1	Peningkatan Kejelasan Kronologi	64
4.5.2	Peningkatan Pengembangan Isi	66
4.5.3	Penggunaan Bahasa Lebih Gramatis	67
4.5.4	Karangan Lebih Panjang dan Berstruktur	68
4.6	Perbandingan Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 5 Sebelum dan Selepas Penggunaan Peta Alir	70
4.7	Rumusan	72



5.1	Pengenalan	74
5.2	Perbincangan Kajian	74
5.2.1	Permasalahan Murid Sebelum Penggunaan Peta Alir	74
5.2.2	Penggunaan Peta Alir Dalam Proses Penulisan Autobiografi	76
5.2.3	Perubahan Kualiti Penulisan Murid Selepas Penggunaan Peta Alir	78
5.3	Implikasi Kajian	80
5.4	Cadangan Kajian	82
5.4.1	Cadangan Kepada Polisi/Dasar	82





5.4.2	Cadangan Untuk Kajian Masa	82
-------	----------------------------	----

Hadapan

5.5	Kesimpulan	83
-----	------------	----

RUJUKAN	84
----------------	-----------





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Kategori Kesalahan Karangan Murid Sebelum Penggunaan Peta Alir	59
4.2	Perbandingan Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 5 Sebelum dan Selepas Penggunaan Peta Alir	72





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Peta Alir. Diadaptasi dari Buku Panduan Program I Think oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2012).	25
2.2	Peta Alir dalam Penulisan Bahasa Tamil	28
4.1	Aliran Tema Dapatan Kajian	53





BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan



Bab ini menghuraikan asas kepada kajian yang dijalankan dengan memberikan gambaran awal tentang konteks, hala tuju dan skop penyelidikan. Perbincangan dalam bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional bagi konsep-konsep utama yang terlibat.

Penyusunan bahagian-bahagian dalam bab ini bertujuan untuk menjelaskan isu sebenar yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil di sekolah rendah, khususnya dalam kalangan murid Tahun 5. Selain itu, bab ini turut menerangkan rasional pemilihan penggunaan peta alir sebagai alat bantu pembelajaran serta justifikasi penggunaan pendekatan kualitatif melalui temu bual bagi meneroka pengalaman, pandangan dan persepsi murid serta guru terhadap amalan pengajaran penulisan karangan.





Secara rumusannya, bab ini berperanan sebagai landasan penting yang menghubungkan konteks kajian dengan fokus penyelidikan, sekali gus menyediakan gambaran asas yang jelas untuk perbincangan lanjut dalam bab-bab seterusnya dengan lebih terperinci.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 1816, pendidikan Bahasa Tamil di Tanah Melayu mula diberi perhatian dengan tertubuhnya Penang Free School di Pulau Pinang. Kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)) didirikan di kawasan perladangan getah dan berorientasikan kurikulum dari India. Pada ketika itu, kualiti pendidikan serta keadaan fizikal SJK(T) berada pada tahap yang lemah dan kurang memuaskan. Kekurangan tenaga pengajar dan bahan bacaan menjadi halangan utama dalam sistem pendidikan Tamil semasa penjajahan British (Rajendran, 2008).

Kini, Bahasa Tamil diiktiraf sebagai bahasa kedua pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)) dan turut ditawarkan di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Malaysia. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil telah dirancang dan disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2021).

Pada Tahap Satu SJK(T), jumlah masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil ialah sebanyak 450 minit seminggu, manakala pada Tahap Dua pula sebanyak 300 minit seminggu. Selain itu, mata pelajaran seperti





Pendidikan Moral, Pendidikan Seni, Kajian Tempatan, Kemahiran Hidup dan Pendidikan Jasmani turut diajar dalam Bahasa Tamil (Mok, 2005). Menyedari kepentingan bahasa ibunda, pelbagai pihak seperti Kelab Bell Belia Tamil Malaysia dan Malaysia Hindu Sangam telah mengemukakan saranan kepada pihak kerajaan agar Bahasa Tamil dijadikan sebagai mata pelajaran wajib kepada murid keturunan India (Makkal, 2023). Hal ini demikian kerana Bahasa Tamil hanya diajar sebagai bahasa penghantar di sekolah rendah, manakala di peringkat menengah ia ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan. Murid mempunyai pilihan sama ada untuk mengambil atau tidak mata pelajaran tersebut. Sekiranya Bahasa Tamil dijadikan sebagai mata pelajaran wajib, maka bilangan murid keturunan India yang mempelajari Bahasa Tamil sehingga Tingkatan Lima dijangka dapat ditingkatkan (Makkal, 2023).



pengalaman, perasaan dan maklumat dalam bentuk tulisan bagi tujuan berkomunikasi dengan orang lain atau diri sendiri (Arapoff, 1970). Di peringkat pengajian tinggi, kemahiran menulis menjadi amat penting kerana murid perlu menyediakan tugasan dalam bentuk esei, laporan atau tesis (Abdul Aziz, 1993). Oleh itu, murid perlu memahirkan diri dalam kemahiran menulis sejak peringkat awal persekolahan. Kemahiran menulis merupakan elemen penting di peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Kegagalan murid menghasilkan penulisan yang bermutu boleh menjejaskan prestasi mereka dalam penguasaan kemahiran menulis secara keseluruhan (Palanisamy & Abdul Aziz, 2021; Tiong & Amran, 2021; Mohamed Mokhtar, 2025).





Dalam penulisan karangan, penguasaan kaedah, strategi dan teknik penulisan yang betul adalah amat penting. Kenyataan ini disokong oleh Tan (2002) yang menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan antara kemahiran bahasa yang paling sukar dikuasai dan memerlukan latihan berterusan sebelum murid dapat menyampaikan pendapat atau idea kepada pembaca dengan berkesan. Seiring dengan itu, pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) diperkenalkan sebagai satu inisiatif pendidikan yang selari dengan peredaran masa. Wardyawaty dan Mohd Isa (2020) menjelaskan bahawa PAK21 merupakan pendekatan yang sesuai dengan era globalisasi dalam melahirkan generasi yang berkemahiran dan kompeten. Selain itu, Mashira et al. (2019) menyatakan bahawa bagi mengubah persepsi murid terhadap pembelajaran, guru perlu memainkan peranan penting dalam membentuk minat murid agar mereka lebih menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran.



Proses penulisan karangan memerlukan individu berfikir secara berperingkat, iaitu semasa merancang penulisan, semasa menulis dan selepas penulisan dihasilkan (Rothstein & Lauber, 2007). Abdullah dan Mohd Ra'in (2006) pula menyatakan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang selari dengan kehendak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), karangan merupakan wacana bertulis yang menghuraikan tema atau tajuk tertentu, mempunyai kepanjangan tertentu dan mematuhi format persembahan yang melibatkan perenggan pengenalan, beberapa perenggan isi serta satu perenggan penutup.

Kajian oleh Ahmad Fikri dan Zamri (2019) menunjukkan bahawa murid perlu diajar dan dibimbing secara ansur maju bermula daripada penulisan abjad, kata, frasa sehinggalah kepada wacana yang mampu membentuk penulisan karangan. Sehubungan





itu, penggunaan kaedah pengajaran yang betul dan bersesuaian perlu diterapkan dalam kalangan murid selaras dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21).

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa, bahasa Tamil mempunyai kedudukan yang signifikan dalam sistem pendidikan Malaysia, khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)). Walaupun kurikulum Bahasa Tamil telah disusun secara sistematik melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), penguasaan kemahiran menulis, khususnya penulisan karangan, masih menjadi satu cabaran utama dalam kalangan murid. Selaras dengan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), guru perlu menerapkan kaedah pengajaran yang berpusatkan murid serta mampu merangsang pemikiran kreatif dan kritis. Dalam konteks ini, penggunaan bahan visual seperti peta alir dilihat berpotensi membantu murid merancang, menyusun dan mengembangkan idea penulisan karangan secara sistematik, khususnya dalam penulisan karangan autobiografi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau keberkesanan penggunaan peta alir terhadap pencapaian penulisan karangan autobiografi Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun 6.

1.3 Pernyataan Masalah

2424

Kemahiran menulis karangan naratif merupakan aspek penting dalam pendidikan murid sekolah rendah kerana ia melibatkan keupayaan murid menyusun idea secara logik, membina plot yang koheren serta menyampaikan cerita dengan gaya naratif yang berkesan. Namun demikian, masih ramai murid sekolah rendah menghadapi cabaran dalam menghasilkan karangan naratif yang berkualiti. Menurut Anggraeni et al. (2024),





pelbagai kajian mendapati murid sekolah rendah berdepan kesukaran dalam penulisan teks naratif, khususnya dari aspek pengembangan idea, struktur cerita, penguasaan tatabahasa dan penggunaan kosa kata. Murid kerap gagal menggabungkan idea secara logik, membina premis cerita yang mantap serta menyampaikan naratif yang menarik (Muliani et al., 2019). Kekurangan kemahiran merancang dan ketiadaan struktur penulisan yang jelas menyebabkan karangan naratif murid menjadi lemah dari segi isi dan kesan dramatik, sekali gus menjejaskan pencapaian mereka. Isu ini amat signifikan kerana keupayaan menulis naratif yang berkualiti merupakan salah satu indikator literasi kritikal di peringkat sekolah rendah.

Dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil, penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) masih berada pada tahap yang membimbangkan. Analisis keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2019 menunjukkan bahawa hanya sebahagian murid SJKT mencapai tahap penguasaan yang memuaskan dalam komponen pemahaman dan penulisan Bahasa Melayu (Thirugnana et al., 2024). Walaupun data tersebut merujuk kepada pencapaian Bahasa Melayu, ia secara tidak langsung mencerminkan cabaran yang hampir sama dalam penguasaan penulisan Bahasa Tamil. Hal ini demikian kerana kedua-dua mata pelajaran menuntut kemahiran bahasa bertulis yang mantap, berstruktur dan berasaskan kemahiran literasi yang sama.

Selain itu, beberapa kajian menunjukkan bahawa fenomena interferens bahasa pertama turut memberi kesan terhadap kemahiran menulis murid. Kelemahan dalam penguasaan struktur tatabahasa Bahasa Tamil boleh menyebabkan murid melakukan kesalahan linguistik serta menjejaskan keupayaan mereka menyampaikan idea secara





sistematik. Menurut Maniam et al. (2020), penguasaan tatabahasa Bahasa Tamil yang tidak mantap boleh mengurangkan ketepatan bahasa dan kejelasan mesej dalam penulisan. Oleh itu, penguasaan bahasa pertama yang kukuh amat penting sebagai asas kepada perkembangan kemahiran literasi, termasuk kemahiran menulis karangan naratif.

Situasi ini menimbulkan persoalan mengenai tahap keupayaan murid Tahun 5 di SJKT dalam menghasilkan karangan naratif Bahasa Tamil yang teratur, kreatif dan berkualiti. Antara persoalan utama yang perlu diberi perhatian ialah faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan penulisan naratif dalam kalangan murid serta pendekatan pedagogi yang sesuai untuk menangani permasalahan tersebut. Sehubungan itu, penggunaan alat bantu visual seperti peta alir dilihat sebagai satu strategi pedagogi yang berpotensi membantu murid merancang, menyusun dan mengembangkan isi karangan secara lebih sistematik.

Isu kelemahan literasi dalam kalangan murid SJKT turut disokong oleh data peringkat nasional. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) menunjukkan bahawa hanya sebahagian murid SJKT mencapai tahap penguasaan yang memuaskan dalam komponen pemahaman dan penulisan Bahasa Melayu dalam UPSR. Walaupun pencapaian literasi Bahasa Tamil tidak dilaporkan secara khusus, dapatan ini memberikan gambaran bahawa murid SJKT menghadapi cabaran literasi yang hampir sama dalam bahasa ibunda mereka. Selain itu, laporan kajian literasi kebangsaan turut menunjukkan jurang pencapaian yang ketara antara murid di kawasan bandar dan luar bandar, dengan murid sekolah Tamil di





kawasan pedalaman lebih terdedah kepada masalah kelemahan literasi (Rajendran, 2021).

Keunikan kajian ini terletak pada fokus khusus terhadap penulisan naratif Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun 5. Kebanyakan kajian literasi Bahasa Tamil sedia ada lebih menumpukan kepada kemahiran asas membaca dan penulisan awal di peringkat rendah, iaitu Tahun 1 hingga Tahun 3, manakala murid di peringkat pertengahan sekolah rendah kurang diberikan perhatian. Tahap Tahun 5 merupakan tahap yang kritikal kerana murid dijangka telah memiliki asas literasi yang kukuh dan bersedia untuk menghasilkan penulisan naratif yang lebih kompleks. Kelemahan yang berterusan pada tahap ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Tamil, malah berpotensi menghalang perkembangan kemahiran bahasa lain serta menjejaskan prestasi akademik secara keseluruhan.

Sekiranya jurang literasi ini tidak ditangani secara sistematik, implikasinya adalah besar. Murid yang gagal menguasai kemahiran penulisan naratif akan terus berhadapan dengan kelemahan literasi asas, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka memahami teks yang lebih kompleks dalam mata pelajaran lain seperti Sains dan Sejarah. Keadaan ini berisiko menyebabkan pencapaian akademik murid merosot serta meningkatkan risiko keciciran sekolah, khususnya dalam kalangan murid SJKT. Lebih jauh lagi, kelemahan dalam penguasaan literasi Bahasa Tamil juga boleh menjejaskan pembentukan identiti linguistik dan budaya masyarakat Tamil di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun 5. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu guru mengaplikasikan





strategi pengajaran yang lebih berfokus dan mesra murid, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan pencapaian literasi murid serta pembangunan pedagogi penulisan Bahasa Tamil yang lebih berkesan dan relevan dalam konteks pendidikan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti masalah yang menyebabkan pencapaian murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil berada pada tahap kurang memuaskan.
2. Mengenal pasti punca-punca utama yang menyumbang kepada kelemahan murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil.
3. Menilai keberkesanan penggunaan peta alir sebagai alat bantu pembelajaran dalam mengatasi masalah pencapaian murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan dan objektif kajian, maka persoalan-persoalan adalah seperti berikut:

1. Apakah masalah utama yang menyebabkan pencapaian murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil berada pada tahap kurang memuaskan?
2. Apakah punca-punca utama yang menyumbang kepada kelemahan murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil?



3. Bagaimanakah peta alir boleh digunakan sebagai alat bantu pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dari segi teori, praktikal, dan dasar pendidikan, khususnya dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah. Ia diharapkan dapat memberi panduan kepada guru untuk memperbaiki pendekatan pengajaran karangan naratif mengikut tahap kesiapsiagaan, minat, dan keperluan murid. Hasil kajian juga diharapkan membuka minda guru untuk menggunakan strategi inovatif, seperti peta alir, bagi memastikan kemahiran menulis karangan dikuasai

1.6.1 Kepentingan kepada Pengurusan Sekolah

Kajian ini penting kepada pihak sekolah kerana ia berpotensi meningkatkan prestasi akademik murid melalui pengenalan kaedah pengajaran yang lebih sistematik dan berkesan. Dengan penerapan peta alir dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) karangan, pihak pengurusan sekolah dapat menekankan penggunaannya secara berterusan, sekaligus membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam bilik darjah. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga membentuk murid yang mampu menyusun idea secara teratur, berfikir secara kritis, dan mengasah kreativiti mereka, sejajar dengan tuntutan abad ke-21 dan aspirasi pendidikan negara. Selain itu, kajian ini memberi panduan kepada pihak sekolah dalam merancang



latihan pembangunan profesional guru berkaitan pengajaran karangan menggunakan peta alir, bagi memastikan guru bersedia mengaplikasikan strategi pedagogi inovatif secara efektif dan konsisten.

1.6.2 Kepentingan kepada Guru

Penyelidikan ini telah memberi manfaat kepada guru kerana ia berupaya meningkatkan kemahiran pedagogi, khususnya dalam penggunaan peta alir sebagai alat bantu pengajaran karangan naratif. Peta alir membolehkan guru merancang aktiviti PdP secara lebih tersusun, menyediakan draf rajah sebelum sesi pengajaran, dan mengarahkan murid menyusun idea secara sistematik. Dengan kaedah ini, guru dapat memberi perhatian individu, memantau perkembangan kemahiran menulis murid, dan memberikan maklum balas bersasar berdasarkan pencapaian murid. Selain itu, penggunaan peta alir juga memperkukuh keupayaan guru untuk mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran karangan, menjadikan sesi PdP lebih interaktif, berkesan, dan berpusatkan murid.

1.6.3 Kepentingan kepada Murid

Kepentingan bagi aspek ini adalah untuk memberi peluang kepada murid bagi memanfaatkan peta alir dalam proses menulis karangan, membantu mereka menyusun isi penting dan menghasilkan karangan yang jelas, teratur, dan bermakna. Penggunaan peta alir mendorong murid mengembangkan kreativiti, kemahiran berfikir kritis, serta kebolehan menyusun idea secara logik. Murid juga dapat membina keyakinan menulis secara bebas tanpa terlalu bergantung kepada guru atau hafalan karangan, sekaligus





meningkatkan motivasi dan minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Tamil. Secara keseluruhan, kajian ini menyokong pembangunan murid secara holistik, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan penekanan kepada keseimbangan aspek intelek, emosi, rohani, dan jasmani.

1.6.4 Kepentingan Kepada Kurikulum dan Dasar Pendidikan

Kajian ini penting untuk kurikulum dan dasar pendidikan kerana dapatan yang diperoleh boleh dijadikan asas bagi penambahbaikan pelaksanaan kurikulum Bahasa Tamil, khususnya dalam aspek penulisan karangan naratif. Pihak kementerian dan penggubal dasar berpeluang menilai keberkesanan penggunaan peta alir dalam PdP serta kesesuaiannya dengan Standard Pembelajaran dan Sukatan Pelajaran. Selain itu, kajian ini sejajar dengan usaha memperkukuh KBAT, menggalakkan interaksi aktif dalam bilik darjah, serta menyokong pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid.

1.6.5 Kepentingan Kepada Penyelidik dan Akademik

Dari perspektif penyelidik dan akademik, kajian ini menambah literatur berkaitan penggunaan peta alir dalam pengajaran bahasa di sekolah rendah, khususnya Bahasa Tamil. Ia menyediakan rujukan kepada penyelidik masa depan yang ingin meneliti strategi pengajaran karangan atau peta pemikiran dalam konteks lain atau tahap pendidikan yang berbeza. Tambahan pula, kajian ini dapat menjadi asas kepada kajian lanjut mengenai pedagogi inovatif bagi meningkatkan penulisan kreatif murid dan penguasaan kemahiran berfikir.





1.6.6 Kepentingan Kepada Ibu Bapa dan Komuniti

Hasil kajian ini juga memberi manfaat kepada ibu bapa dan komuniti kerana ia membantu mereka memahami strategi pengajaran yang digunakan di sekolah untuk meningkatkan kemahiran menulis anak-anak. Ibu bapa boleh menyokong pembelajaran murid melalui aktiviti latihan penulisan berasaskan peta alir di rumah, seterusnya memperkukuh proses PdP di sekolah. Tambahan pula, kajian ini membantu komuniti menyedari kepentingan pendekatan pengajaran yang inovatif dan relevan dalam konteks pendidikan abad ke-21, sekaligus mendorong sokongan terhadap pembelajaran murid secara menyeluruh.

1.7 Batasan Kajian



Kajian ini dijalankan dengan beberapa batasan yang jelas bagi memastikan fokus dan keberkesanan penyelidikan. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif, dengan penekanan kepada temubual sebagai pendekatan utama untuk mendapatkan maklumat mendalam daripada responden. Sampel kajian terdiri daripada dua kumpulan utama, iaitu 20 orang murid Tahun 5 dan seorang guru, yang dipilih secara purposif berdasarkan pengalaman mereka dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif. Kajian ini dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) X, Kedah, di mana latar belakang dan konteks sekolah memberi gambaran yang relevan tentang penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid. Batasan ini membantu menumpukan analisis kepada pencapaian murid dalam penulisan karangan naratif serta kesan penggunaan peta alir sebagai alat bantu pengajaran, sekaligus memastikan hasil



kajian lebih terfokus dan dapat memberi implikasi yang praktikal kepada pengajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah.

1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah utama ditakrifkan secara konseptual dan operasional bagi memberikan penjelasan yang jelas tentang penggunaan dan pengukuran setiap konstruk dalam penyelidikan.

1.8.1 Kemahiran Menulis Karangan

Dalam kajian ini, kemahiran menulis karangan merujuk kepada kecekapan murid dalam merakam atau menghasilkan idea, pendapat, pengalaman, perasaan, dan maklumat dalam bentuk tulisan untuk berkomunikasi dengan orang lain atau diri sendiri. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), kemahiran ialah kecekapan atau kepandaian, manakala menulis bermaksud mencatat kata-kata dengan huruf atau menggunakan pena. Abdul Jobar et al. (2014) menekankan bahawa menulis merupakan kemahiran asas yang penting untuk mencapai kejayaan akademik. Abdullah dan Mohd Ra'in (2006) pula menjelaskan bahawa kemahiran menulis melibatkan aspek kognitif dan linguistik, termasuk mekanisme menulis, proses penulisan, serta interaksi dengan pembaca. Dalam kajian ini, kemahiran menulis karangan murid diukur melalui kemampuan mereka menghasilkan karangan naratif yang tersusun, logik, dan kreatif.



1.8.2 Peta Alir

Peta alir ditakrifkan sebagai alat bantu visual yang membantu murid membina kerangka karangan naratif dengan teratur. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, peta bermaksud jelas dan membuat gambar, manakala alir merujuk kepada jalan cerita (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Dalam kajian ini, peta alir memastikan kualiti susunan idea dan peluasan cerita dalam penulisan murid. Murid diberikan gambar rajah peta alir yang mengandungi enam kotak, iaitu satu kotak untuk pendahuluan, empat kotak untuk isi penting, dan satu kotak untuk penutup. Dengan bantuan peta alir, murid dapat merangka idea utama sebelum mengolahnya menjadi karangan naratif yang lengkap dan teratur.

1.8.3 Penulisan Karangan Naratif



Penulisan karangan naratif merujuk kepada penulisan cerita atau kisah berdasarkan pengalaman, peristiwa, atau imaginasi murid. Menurut Mahzan (2003), penulisan bermaksud kegiatan menulis, manakala karangan merujuk kepada ciptaan cerita. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, naratif merujuk kepada cerita atau kisah yang menggambarkan peristiwa atau pengalaman yang dialami, disusun secara logik dan kronologi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Dalam kajian ini, penulisan karangan naratif merujuk kepada karangan yang dihasilkan oleh murid Tahun 5 dalam pengajaran Bahasa Tamil, dipandu oleh peta alir semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sebelum intervensi.





1.8.4 Pencapaian Murid

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, pencapaian bermaksud apa yang telah dicapai (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Manakala Kamus Pelajar Edisi Kedua menyatakan pencapaian ialah sesuatu yang berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012). Dalam kajian ini, pencapaian murid diukur berdasarkan analisis kualitatif terhadap karangan murid, termasuk keupayaan menyusun idea, membina perenggan yang teratur, dan mengolah cerita secara kreatif. Temubual dengan guru pula memberi maklumat tambahan mengenai tahap penguasaan murid, cabaran yang dihadapi, dan keberkesanan penggunaan peta alir dalam membantu murid menghasilkan karangan yang bermutu. Dengan pendekatan ini, kajian dapat menilai pencapaian murid secara lebih holistik, berdasarkan kualiti penulisan dan pandangan pendidik.



1.8.5 Kesan Peta Alir Terhadap Penulisan Karangan

Kesan merujuk kepada tahap perubahan atau kesan positif yang diperoleh daripada penggunaan sesuatu konsep atau kaedah. Menurut Hassan (2004), kesan ialah tahap kemujaraban sesuatu yang ingin dicapai. Manakala Ramli (2016) menjelaskan bahawa kesan juga bermaksud penerimaan sesuatu kaedah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, kesan penggunaan peta alir merujuk kepada perubahan dan peningkatan dalam kualiti penulisan karangan naratif murid setelah mereka dibimbing menggunakan peta alir.

Peta alir berfungsi sebagai alat bantu visual yang membolehkan murid merangka idea secara sistematik, menghubungkan maklumat, dan menyusun isi





karangan mengikut susunan yang logik. Dengan peta alir, guru dapat membimbing murid dalam menyusun pendahuluan, isi penting, dan penutup dengan lebih tersusun, sekaligus memudahkan murid menghasilkan karangan yang jelas dan bermakna. Kesan peta alir ini diukur melalui temubual dengan guru serta analisis semakan karangan murid, yang memberikan gambaran mengenai peningkatan kreativiti, kemahiran menyusun idea, dan kualiti penulisan secara keseluruhan.

Dengan pendekatan ini, kajian menekankan bahawa peta alir bukan sahaja berperanan sebagai alat perancangan karangan, tetapi juga sebagai strategi pedagogi yang menyokong pembangunan kemahiran berfikir kritis, kreativiti, dan literasi murid dalam penulisan naratif.



Bab ini telah memperkenalkan latar belakang kajian yang menekankan kepentingan penguasaan kemahiran menulis, khususnya penulisan karangan naratif, dalam pendidikan rendah. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa murid SJKT masih menghadapi cabaran dalam menyusun idea secara logik, membina plot yang koheren, serta menghasilkan karangan yang kreatif dan bermakna. Isu ini menimbulkan keperluan untuk pendekatan pengajaran yang inovatif seperti penggunaan peta alir. Pernyataan masalah kajian menekankan jurang literasi dalam penulisan naratif Bahasa Tamil, di mana murid Tahun 5 masih memerlukan bimbingan berstruktur untuk menghasilkan karangan yang berkualiti. Objektif kajian dan persoalan kajian telah dirancang bagi mengenal pasti faktor kelemahan penulisan murid serta menilai kesan penggunaan peta alir sebagai alat bantu pedagogi. Kajian ini juga menyorot





kepentingan kajian dari perspektif guru, murid, pihak sekolah, kurikulum, dasar pendidikan, penyelidik, dan komuniti. Selain itu, bab ini juga telah memperincikan definisi konseptual dan operasional bagi konsep utama kajian, termasuk kemahiran menulis karangan, peta alir, penulisan karangan naratif, dan kesan penggunaan peta alir. Definisi ini menyediakan asas yang jelas untuk pengukuran dan pemahaman konsep, sejajar dengan reka bentuk kajian kualitatif melalui temubual dengan guru dan analisis semakan karangan murid. Secara keseluruhannya, Bab ini memberikan rangka kerja yang kukuh untuk memahami latar belakang, masalah, objektif, persoalan, kepentingan, batasan kajian, dan definisi operasional. Ia menetapkan asas bagi menuruskan bab-bab seterusnya.

